




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

KUNJUNGAN HORMAT UNIT MASMED UiTM MUKAH KE UNIT KEUSAHAWANAN POLITEKNIK MUKAH


Penulis: Noraini Sa'ait, Francesca Enchang, dan Evyina Kintang

Pada 13 April 2026, Unit MASMED, UiTM Mukah telah mengadakan kunjungan hormat ke Unit Keusahawanan Politeknik Mukah bagi meninjau aktiviti keusahawanan pelajar serta membincangkan potensi kerjasama strategik antara kedua-dua institusi. Unit MASMED telah disambut mesra oleh wakil Unit Keusahawanan Politeknik Mukah, iaitu Encik Johari Kusai, Ketua Unit Keusahawanan dan Encik Ahmad Syakir Kadimin, Pensyarah Jabatan Perdagangan. Sesi perbincangan yang berlangsung dalam suasana santai dan profesional itu memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk bertukar pandangan mengenai pelaksanaan program keusahawanan, kaedah pengurusan aktiviti pelajar, serta inisiatif yang dilaksanakan untuk memperkasa budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Hasil daripada perbincangan tersebut, kedua-dua pihak mengenal pasti beberapa ruang kolaborasi yang berpotensi untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Antaranya termasuk penganjuran program bersama, perkongsian kepakaran, aktiviti jualan dan pameran, serta inisiatif pembangunan usahawan pelajar yang dapat memberi manfaat kepada mahasiswa di kedua-dua institusi.

Selain sesi perbincangan, Unit MASMED UiTM Mukah turut berpeluang meninjau sendiri aktiviti keusahawanan yang dijalankan di Politeknik Mukah. Antara inisiatif yang menarik perhatian ialah penyediaan ruang niaga khusus untuk pelajar menjalankan perniagaan secara langsung di kampus. Kemudahan ini membolehkan pelajar memperoleh pengalaman praktikal dalam mengurus perniagaan sebenar. Antara perniagaan yang diusahakan oleh pelajar termasuk perkhidmatan kedai gunting rambut, jualan makanan dan minuman, serta perkhidmatan percetakan dan fotostat. Perkhidmatan ini bukan sahaja memenuhi keperluan warga kampus, malah menjadi platform pembelajaran keusahawanan yang efektif. Lawatan ini memberikan pendedahan yang amat berguna kepada Unit MASMED dalam usaha memperkukuh ekosistem keusahawanan di UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Diharapkan hubungan yang terjalin ini akan membuka lebih banyak peluang kerjasama strategik pada masa akan datang demi melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berdaya saing dan inovatif.



Sesi Perbincangan bersama Unit Keusahawanan Politeknik Mukah



Tinjauan ke ruang niaga pelajar

Tahniah & Syabas



Cawangan Sarawak

TAHNIHAH & Syabas

Atas Pencapaian
Suku-1 2026
INDEKS: SCOPUS
UiTM FIRST AUTHOR

DR. MUHAMMAD SHAHIMI BIN ARIFFIN
Fakulti Sains Komputer dan Matematik , UiTM
Cawangan Sarawak, Kampus Mukah

JURNAL
Far East Journal of Mathematical Sciences
(FJMS)

TAJUK
REGISTER OF ANKLE ANGLE KINEMATICS DATA
USING FUNCTIONAL DATA ANALYSIS FOR
PARACHUTE LANDING





لويها تئوي ميلىا

REKTOR & SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK
UNIT PENERBITAN , PJI UiTM CAWANGAN SARAWAK

Terbitan : Bahagian Penyelidikan & Jaringan
Industri UiTM Cawangan Sarawak

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

